

lokal

3 persoalan terjawab

Shah Alam: Tiga persoalan utama berhubung kematian Muhammad Adib Mohd Kassim terjawab pada keputusan inkuies bagi menentukan punca kematian anggota bomba berkenaan di Mahkamah Koroner di sini, semalam.

ia termasuk persoalan sama ada Muhammad Adib dipukul pada rusuhan ketika kekecohan di tapak Kuil Sri Maha Mariamman, USJ 25, Subang Jaya pada 27 November tahun lalu.

Selain itu, punca anggota bomba itu tidak mempertahankan diri sekiranya dia dipukul dan kenapa mangsa mengaku dipukul kepada kakitangan perubatan di Institut Jantung Negara (IJN) Kuala Lumpur dan ketuanya.

Koroner Rofiah Mohamad berkata, keterangan saksi ke-10, pemandu Mitsubishi Storm, Mohd Hafizan Nordin, 33, yang berkata dimaklumkan seorang wanita India, 'adik, jangan masuk...nanti kena pukul' pada masa kejadian menunjukkan perlakuan memukul berlaku.

Katanya, apabila wanita itu berkata demikian, ia mungkin berdasarkan pengalaman individu itu yang tahu ada seseorang dipukul dan tidak selamat.

Keterangan saksi kelapan, S Suresh, 33, bahawa antara 10 dan 20 orang yang mengerumuni seseorang dengan ada gerakan seperti memukul atau memijak pada masa kejadian.

"(Saksi) dengar jangan pukul dalam bahasa Tamil. Ia berkan inferens... perkataan 'bomba pun nak pukul'... tunjukkan perbuatan pukul sudah dapat bahawa mangsa dipukul," katanya.

Berhubung persoalan mengapa mangsa yang bertubuh sasa dan anggota bomba terlatih tidak dapat mempertahankan diri, Rofiah berkata, pukulan di luar EMRS menyebabkan mangsa tidak sedar dan tidak berupaya berbuat demikian.

"Saya juga membuat dapatan bahawa pukulan di luar van EMRS... adalah mustahil untuk mempertahankan diri," katanya.

Rofiah seterusnya berkata, Muhammad Adib berkata, mahkamah juga



Adalah tidak munabah apabila dua pasukan FRU yang lengkap bersenjata di lokasi kejadian tetapi hanya dalam keadaan bersiap-sedia dan melihat perusuh merusuh"

Rofiah Mohamad

merumuskan bahawa mangsa hanya memberitahu dia dipukul kepada saksi ke-16, Pembantu Pegawai Pembedahan di Institut Jantung Negara (IJN), Mohd Ashraff Baruji dan saksi ke-18, Ketua Balai Bomba dan Penyelamat (BBP) Subang Jaya, Syed Shahril Anuar Syed Sulaiman.

Katanya, mahkamah berpuas hati bahawa mangsa mengakui perkara itu (dipukul) kepada dua individu berkenaan kerana hubungan erat antara mereka.

Katanya, perilaku Mohd Ashraff ketika memberi keterangan yang jelas beremosi termasuk sebab jelas menunjukkan perhubungan mesra antara dia dan Muhammad Adib.

"Saksi ke-16 (Mohd Ashraff) yang menjadi orang terakhir setiap hari yang menjaga mangsa dan sentiasa memberikan kata-kata semangat termasuk mempersiapkan mangsa setiap kali Adib mahu tidur juga menunjukkan hubungan mesra antara mereka," katanya.

Dalam pada itu, Rofiah turut menegaskan kegagalan Polis Diraja Malaysia (PDRM) dan Unit Simpanan Persekutuan (FRU) dalam mengawal rusuhan di kuil berkenaan turut menyumbang kepada kematian Muhammad Adib.

"Adalah tidak munabah apabila dua pasukan FRU yang lengkap bersenjata di lokasi kejadian tetapi hanya dalam keadaan bersiap-sedia dan melihat perusuh merusuh," katanya.

Sehubungan itu, mahkamah menyerahkan kepada Jabatan Peguam Negara dan PDRM untuk melakukan siasatan lanjut sekiranya wajar.



MOHD Kassim menziarahi pusara Muhaimeed Adib di Tanah Perkuburan Kariah Masjid As-Saadah Kampung Tebengau, semalam.

Oleh Syah Rul Aswari Abdullah, Sarah Zulkifli dan Suraya Roslan am@hmetro.com.my

Shah Alam

Mahkamah Koroner di sini, semalam memutuskan punca kematian anggota bomba, Muhammad Adib Mohd Kassim, 24, disebabkan impak perbuatan jenayah disebabkan dua atau lebih

individu tidak dikenali. Koroner Rofiah Mohamad ketika membuat keputusan itu berkata, mahkamah menerima keterangan saksi ke-29, Pakar Patologi Forensik United Kingdom, Prof Dr Shahrom Abd Wahid bahawa mangsa dihentak dan diseret keluar dari van bomba pada masa kejadian.

Katanya, keterangan saksi di tempat kejadian juga menunjukkan ada

perbuatan memukul seseorang di kawasan di mana antara kira-kira 20 dan 30 orang berkumpul.

Selain itu, beliau merumuskan kegagalan polis dan FRU dalam mengawal rusuhan turut menyumbang kepada kematian Muhammad Adib.

Sehubungan itu, beliau menyerahkan kepada Polis Diraja Malaysia dan Peguam Negara untuk melakukan

siasatan dan pendakwaan.

Muhammad Adib, 24, anggota Unit Bantuan Perkhidmatan Kecemasan (EMRS) dari Balai Bomba dan Penyelamat (BBP) Subang Jaya, parah dalam rusuhan di tapak Kuil Sri Maha Mariamman, USJ 25, Subang Jaya, 27 November tahun lalu.

Selepas 21 hari bertarung nyawa, Allahyarham menghembuskan nafas terakhir pada 17 Disember

Berdebar sejak malam

Alor Setar: "Dari malam tadi perasaan saya sangat berdebar sehingga pagi ini (semalam), namun sebaik saja dimaklumkan keputusan inkuies menyebelahi arwah, saya rasa sangat lega," kata ibu Muhammad Adib, Asma Aziz, 52.

Asma berkata, sebaik saja mengetahui keputusan itu, dia dan suami Mohd Kassim Abdul Hamid, 64, terus mengucap rasa syukur dengan deraihan air mata.

Katanya, doa mereka sebagai ibu bapa termakbul selepas hampir setahun

menanti keadilan buat Allahyarham Adib.

"Perasaan itu tak dapat saya gambarkan dengan kata-kata, walaupun rasa lega, Adib sudah tiada. Saya harap selepas ini penjenayah yang memukul arwah dapat ditangkap polis.

"Saya mahu melihat wajah orang yang memukul anak saya, saya mahukan keadilan untuk arwah dan pelaku mesti dijatuhkan hukuman setimpal," katanya ketika ditemui di Kampung Tebengau, Kuala Kedah, semalam.



MOHD Kassim dan Asma ketika ditemui di rumah mereka di Kampung Tebengau, Kuala Kedah.